



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/6/2011

## Transformasi politik tidak perlu - Dr. M

KUALA LUMPUR 23 Jun - Malaysia tidak memerlukan transformasi dalam sistem politik meskipun sedang melakukan perubahan ekonominya untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana sistem politik sedia ada tidak begitu teruk dan boleh diperbaiki.

"Sistem politik negara ini tidak boleh mengalami transformasi (hanya) kerana negara-negara lain melakukan perubahan. Transformasi sistem (politik) hanya boleh dilakukan apabila ada ke-

perluan dan ia perlu menda-tangkan kebai-kan," ka-tanya.

Beliau berkata demikian ketika



MAHATHIR

menyampaikan ucapan bertajuk *Politik Malaysia: Perlukah ia berubah selari dengan transformasi ekonomi?* anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sistem politik Malaysia bukan mudah untuk ditransformasi kerana negara ini begitu unik dengan mempunyai pelbagai kaum, budaya, agama, bahasa dan 30 etnik.

"Falsafah asas penubuhan negara mengambil kira bahawa semua rakyat mesti bersedia untuk menerima dalam memastikan kestabilan.

"Sebab itu kalau kita tengok, orang Melayu atau Cina menerima apa sahaja kelebihan dan kekurangan masing-masing selama separuh abad ini, sejak merdeka," katanya.